



DR Shahril (tengah) dengan Dekan Sekolah Perubatan Prof Dr Kamarudin D Mudin di kanannya dan pengerusi penganjur simposium Prof Madya Dr Chua Tock Hing dan delegasi simposium di Novotel.

'Sasar bebas malaria menjelang 2020'

HE 18.4.2013 7

Khabil Kiram

KOTA KINABALU: Dalam usaha untuk men-transformasi Malaysia menjadi sebuah negara maju sepenuhnya, negara berhasrat menjadi bebas malaria menjelang 2020.

"Kita tidak boleh menjadi negara maju jika penduduknya masih meninggal dunia akibat malaria," kata Dr. Timothy William dari Unit Penyakit Berjangkit Hospital Queen Elizabeth.

Tahun lepas, lima kematian daripada malaria dilaporkan di Sabah.

Pada Selasa, Simposium Malaria Antarabangsa 2013 selama dua hari dilancarkan di Hotel Novotel, di sini, untuk membincangkan cabaran dan strategi baru dalam kawalan malaria.

Dianjurkan oleh Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), simposium itu disertai oleh pakar malaria dari Singapore, China, Japan, Indonesia, Pakistan, India, Nigeria, Brazil, Philippines, Thailand, England, Myanmar dan Papua.

Ia menyediakan 21 penyampaian secara lisan dan 20 penyampaian melalui poster dengan subjek merangkumi identifikasi molekul spesies malaria hingga mutasi genetik.

William merupakan penceramah pertama untuk menyampaikan topik bertajuk 'Peningkatan Insidens Malaria Plasmodium Knowlesi Berikutan Kawalan Malaria Plasmodium Falciparum di Sabah, Malaysia'.

William berkata rawatan tertanggung dan salah lapor adalah punca kematian yang disebabkan oleh malaria di Sabah.

Beliau menambah bahawa lebih banyak penyelidikan perlu dilakukan untuk menentukan faktor risiko malaria, yang akan membantu program kawalan malaria.

"Saya mula bekerja di Sabah pada 1996 di daerah Tambunan dan kami menerima kes malaria setiap hari," kata William. "Kami tidak dapat menerima masuk kes-mua kes malaria itu kerana hospital kami tentu akan penuh."

Peningkatan itu, kata William, juga disebabkan oleh perubahan persekitaran.

"...pembasmian hutan secara meluas serta pencerobohan manusia ke dalam kawasan berhutan sebelumnya akan meningkatkan interaksi dengan vektor nyamuk dan perumah simia," katanya.

"Sabah adalah salah satu wilayah yang paling terdedah kepada jangkitan malaria," kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor UMS Prof Dr Shahril Yusof, yang juga bertugasan pada acara itu.

Harun berkata, di Sabah, malaria paling tersebar luas di Kudat dengan 172 kes dilaporkan dari 2007 hingga 2009.

Menurut Laporan Malaria Dunia, 2010 menyaksikan 216 juta kes malaria di seluruh dunia, dan menyumbang kepada kira-kira 655,000 kematian.